

12/05/2001

Politik wang: Tindakan tidak kira pemimpin

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno akan memecat ahlinya yang terbukti terbabit dalam penggunaan politik wang tanpa mengira kedudukan mereka, termasuk di kalangan ahli Majlis Tertinggi (MT), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno itu berkata, Umno sudah tidak boleh bertolak ansur lagi dalam usaha menangani gejala negatif itu dan perlu serius mengambil tindakan terhadap mereka yang mengamalkan rasuah.

"Sesiapa bersalah, ahli MT ... Perdana Menteri sekalipun kalau bersalah (dan) dapat bukti, saya rela disingkir kalau didapati saya terbabit dengan politik wang.

"Dalam perkara ini, kita tak boleh lagi main-main. Kita kena serius. Kalau kali ini kita tak serius, maka orang tak akan percaya lagi kepada Umno. Kita kata kita nak hapuskan rasuah ... politik wang, dengan itu kita perlu ambil tindakan.

"Kita sudah lantik badan bertanggungjawab berkenaan dengan perkara ini (Lembaga Disiplin) dan pendapat mereka kita mesti timbang secara serius. Saya nampak ahli-ahli Umno menyokong tindakan ini," katanya selepas majlis Memperingati Perjuangan Umno dan Pertemuan Presiden Umno Bersama Veteran sempena ulang tahun ke-55 penubuhan Umno, di sini hari ini.

Perdana Menteri mengambil masa 75 minit berucap pada majlis itu, diikuti dialog tertutup selama 40 minit. Kira-kira 3,500 orang, termasuk 2,000 ahli veteran dari seluruh negara hadir.

Beliau mengimbas panjang lebar sejarah perjuangan bangsa Melayu bermula daripada empayar besar kesultanan Melaka sambil mengajak orang Melayu supaya mengingati kembali sejarah supaya mereka tidak mengulangi kesilapan yang boleh menyebabkan hilang kuasa di negara sendiri.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir meminta semua ahli parti supaya menyokong tindakan untuk menghapuskan mereka yang terbukti terbabit dengan politik wang.

"Jika ini sikap kita, tak mungkin boleh ubat lagi," katanya dan kemudian mencuit hati hadirin apabila meneruskan ucapannya dengan menyatakan:

"Nama saya Doktor Mahathir. Jika ada penyakit yang tidak dapat dipulih, saya perlu bedah. Macam kacang manis, kena potong jari sebelum merebak ke kaki. Tetapi, bila seluruh badan, kita potong, nanti tinggal separuh. Jadi kita perlu potong (singkir ahli yang terbabit dengan rasuah)," katanya disambut dengan tepukan gemuruh.

Beliau berkata, individu dalam parti tidak penting, tetapi Umno perlu diselamatkan serta dikekalkan untuk terus berjuang bagi kepentingan bangsa Melayu.

Dr Mahathir melahirkan kebimbangan kerana sudah ada tanda-tanda bahawa kesilapan lampau akan berulang kerana dalam Umno hari ini sudah ada mereka yang mementingkan diri sendiri daripada parti sehingga sanggup mengamalkan politik wang.

"Ini akan membawa kehancuran kepada bangsa Melayu. Semua ini petanda kita ini akan hancur ... bahawa apa yang berlaku 50 tahun yang lalu akan diulangi pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata, sudah ada parti bangsa Melayu seperti Pas yang sanggup bersekongkol dengan parti lain, berkompromi dalam hal-hal yang membabitkan hak-hak istimewa orang Melayu semata-mata untuk mendapatkan sokongan.

"Ini membawa alamat tidak baik kepada masa depan orang Melayu jika lebih mengutamakan parti daripada perpaduan. Kita mungkin akan dijajah dan hilang kuasa ... ini satu kemungkinan besar," katanya.

Ditanya dalam sidang akhbar itu, sama ada politik wang berlaku antara lain berpunca daripada tindakan mengenakan syarat pencalonan minimum bagi ahli yang ingin bertanding merebut pelbagai jawatan termasuk pada peringkat bahagian, Dr Mahathir berkata sebenarnya mereka yang berbuat demikian adalah tamak.

Katanya, Umno mengenakan pelbagai syarat berkaitan pencalonan sebelum ini, tetapi kemudian diubah apabila ahli menyatakan ia tidak baik dan kembali kepada syarat asal iaitu satu pencalonan boleh bertanding.

"Kita buat syarat macam-macam dah. Yang sebenarnya, tamak. Inilah masalah yang kita hadapi. Kalau rasa bertanggungjawab berjuang dalam parti kerana kepentingan parti, bukan kepentingan diri kita, kita tidak akan membuat sesuatu kerana kepentingan diri ... yang boleh merosakkan parti. Itu asasnya," katanya.

Beliau turut ditanya mengenai tindakan kerajaan negeri Kedah mengekalkan ahli exconya, Datuk Zainol Mat Isa yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin Umno kerana terbabit dalam politik wang bersama lima lagi ahli.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata perkara itu akan diputuskan oleh mesyuarat MT Umno nanti dan beliau sendiri akan turut memberi pandangannya pada mesyuarat itu. MT dijangka bermesyuarat 28 Mei ini.

Ditanya mengenai percutian Tun Daim Zainuddin, beliau berkata Menteri Kewangan itu sepatutnya kembali bertugas akhir bulan ini.

Beliau juga berkata, kerajaan memang berusaha untuk mendapatkan rakan kongsi strategik asing, terutama dalam pengendalian lapangan terbang dan syarikat penerbangan bagi membolehkan kemasukan kepakaran teknologi.

Mengimbas sejarah keagungan empayar Melaka, Perdana Menteri dalam ucapan itu juga berkata orang Melayu perlu mengelakkan kesilapan seperti kurang yakin kepada diri sendiri, tidak bersatu dan meminta pertolongan daripada kuasa asing.

Katanya, jika orang Melayu hilang kuasa di negara sendiri maka mereka akan menjadi daif dan terpaksa merayau-rayau ke bahagian lain di dunia dan ditekan oleh orang lain.

"Kita perlu belajar daripada sejarah kerana sesiapa yang tidak belajar sejarah akan didera dengan mengulangi kesilapan kita masa dahulu. Kalau betul-betul kita ingin mengelak daripada terjebak ke dalam perangkap lama, kita mesti mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan dulu," katanya.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu tidak hanya boleh berpegang kepada laungan slogan Hang Tuah iaitu "Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia"

"Jika tak mahu Melayu hilang di dunia maka belajarliah daripada sejarah dan elakkan kesalahan dulu," katanya.

(END)